



Kuantan, 23 April-Majlis Anugerah Kecemerlangan Sukan Politeknik (PolySEA) 2015 telah dianjurkan bagi melahirkan lebih ramai atlet sukan berprestasi tinggi, selaras dengan peranan Jabatan Pendidikan Politeknik membangunkan Dasar Sukan Negara. Bagi Kategori Jurulatih dan Pasukan terbaik telah berjaya disandang oleh Politeknik Merlimau, Melaka. Pasukan Ragbi Politeknik Merlimau di bawah pengurusnya iaitu Sharifuddin Bin Mohd Yusof berjaya merangkul Anugerah Pasukan Terbaik dan Anugerah Jurulatih Sukan Terbaik dimenangi oleh En. Shafie Bin Osman. Anugerah tersebut telah di hadiri oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap. Beliau berkata, Semua Politeknik di negara ini perlu memperkasa bidang sukan dalam usaha melahirkan graduan berkualiti dari segi akademik, sahsiah diri dan kokurikulum.